

## PEMAKAIAN DOKTRIN *AL-MAŞĀLIĤ AL-MURSALAH* DALAM HUKUM *AL-FARĀ'ID*

### Application of Doctrine of *al-Maşāliĥ al-Mursalah* in *Farā'iq*

Jasni Sulong<sup>1</sup>  
Faisal Husen Ismail<sup>2</sup>

#### ABSTRACT

*Al-Maşāliĥ al-Mursalah* was one of the sources in Islamic jurisprudence which does not reach unanimous acceptance among scholars. This principle was established based on the importance and beneficial impact towards people, in which all goodness, benefit, welfare and those that could guaranteed the better condition towards mankind will be accepted as the basis for law maker. Furthermore, these principle neither be found directly in the *Qur'an* nor in the Traditions. Among scholars, it cause variance justification in deciding which is the best and utmost for people based on these differences, including in inheritance matters. Hence, the study aimed to identify the concept of *al-maşlahah* and its application in dividing inheritance among heirs. The study found that there are implications of these variances among Muslim scholars in determining what *al-maşlahah* is for

---

<sup>1</sup> Senior Lecturer, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, jasni@usm.my.

<sup>2</sup> PhD Candidate, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, titel80@yahoo.com.

*heirs. Nevertheless, the study also found that the benefit of heirs always the essential part of scholar's thought such as giving alternative space based on the situation and the right of heirs which could benefit them through bequeath and gift mechanism. It was obvious that the guarantee of masalahah unlimited in the division of estate through inheritance only, but far beyond.*

**Keywords:** *al-Maṣāliḥ al-Mursalah, al-maṣlahah, inheritance, bequeath, heir.*

## PENDAHULUAN

Doktrin *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* atau kepentingan umum sangat sinonim dengan syariat Islam. Konsep ini bermula dengan kedatangan Islam itu sendiri yang datang membawa kebaikan kepada manusia dan seluruh alam (*raḥmatan li al-'Ālamīn*). Dalam sumber perundangan Islam, pendekatan *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* dalam penetapan hukum-hukum syarak adalah terletak pada asas-asas yang menjamin manfaat dan kebaikan untuk manusia. Konsep ini bagaimanapun, hanya masyhur pada zaman *atbā' al-tābi'in* yang dipopularkan oleh Imam Mālik<sup>3</sup>. Sebelumnya, para ulama merujuk asas hukum pada nas syarak secara umum melalui dua kaedah, iaitu sama ada bersumberkan lafaz yang umum atau sebab yang tertentu atau khusus. Justeru, hukum dikenakan ke atas sesuatu perkara berdasarkan umum atau khususnya sesuatu *asbāb al-nuzūl* ataupun *asbāb al-wurūd* tanpa melihat kepada aspek lain yang tidak dinaskan syarak. Jelasnya, pemakaian doktrin *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* dapat membuka ruang kepada sumber perundangan Islam yang lebih luas.

Perkembangan dunia Islam dan pelbagai persoalan semasa yang berlaku telah membataskan sumber rujukan Islam sekiranya hanya berdasarkan perbandingan pada kes-kes tertentu dan sumber syarak yang terhad. Justeru, para ulama telah memikirkan beberapa asas lain yang tidak bertentangan dengan roh syarak khususnya untuk menyelesaikan beberapa masalah baru yang muncul seperti menerima perkara-perkara yang boleh memberi manfaat kepada manusia (*al-maṣāliḥ*) sebagai suatu sandaran syarak, walaupun tidak terdapat dalam nas (*al-mursalah*) secara langsung. Ini kerana syariat adalah untuk kebaikan manusia dan menjadikan sesuatu yang bermanfaat sebagai landasan keharusan dalam agama adalah merupakan sebahagian daripada matlamat syarak (*al-maqāṣid al-syarī'ah*). Justeru, konsep *al-maṣāliḥ al-*

<sup>3</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fīqh al-Islāmī wa Adillatuh*, (Bayrūt: Dār al-Fīkr, j. 1, 2002) 46.

*mursalah* yang dilaksanakan hendaklah selari dengan *al-maqāṣid al-syarī'ah* di mana ia merealisasikan kepentingan umum manusia (*tahqiq al-maṣlahah*). Kaedah ini mengurangkan kesempitan pergantungan pada nas dan membuka ruang yang lebih luas khususnya dalam hukum-hukum yang berkaitan dengan mu'amalah. Dalam perbincangan ilmiah, kebiasaan para ulama menyebut *al-maṣāliḥ al-mursalah* dengan istilah umum iaitu *maṣlahah* sebagai menggambarkan itulah kepentingan dan manfaat yang dikehendaki Islam.

## PENGERTIAN *AL-MAṢLAḤAH*

Mengikut bahasa, *al-maṣlahah* didefinisikan sebagai sesuatu yang berfaedah dan bermanfaat. Perkataan yang berlawanan dengannya adalah *al-mafāsīd* iaitu sesuatu yang merosakkan<sup>4</sup>. Selari dengan maksud ini, Imam al-Ghazālī dalam kitab Uṣūl Fiqhnya yang bertajuk "*Al-Mustaṣfā*", telah menyebutkan<sup>5</sup>:

أما المصلحة فهي عبارة عن جلب منفعة ودفع مضرة

"*Al-Maṣlahah* pada dasarnya adalah menarik manfaat ataupun menolak kemudharatan (bahaya)."

Seterusnya al-Ghazālī menjelaskan berhubung fungsi *al-maṣlahah* iaitu<sup>6</sup>:

نعني بالمصلحة المحافظة على مقصود الشرع، ومقصود الشرع من الخلق خمسة، وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم وما لهم

"*Apa yang kami maksudkan dengan al-maṣlahah* adalah untuk menjaga maksud syarak, dan maksud syarak kepada manusia ada lima perkara, iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, serta harta mereka."

<sup>4</sup> Ibn Manẓūr, Muḥammad b. Mukram b. 'Alī b. Aḥmad b. Abī al-Qāsim b. Ḥuqbah, *Lisān al-'Arab*, (al-Qāhirah: Dār Ma'ārif, vols. 15, n.d.), iv. 2479; Ḥusayn Ḥamīd Ḥasan, *Nazarīyyah al-Maṣlahah fī al-Fīqh al-Islāmī*, (Qāherah: Dār al-Naḥḍah al-'Arabīyyah, 1971) 4.

<sup>5</sup> Al-Ghāzālī, Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad, *al-Mustaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl*, (Jeddah: Syarikah al-Madīnah al-Munawwarah, vols. 2, n.d.), i. 268; Al-Ṭūfī, Najm al-Dīn Sulaymān b. 'Abd al-Qāwī b. 'Abd al-Karīm, *Syarḥ Mukhtaṣar Rawḍah* (ed. 'Abd Allāh Turkī; Bayrūt: Muassasah, vols. 3, 1988), i. 382.

<sup>6</sup> Al-Ghāzālī, *al-Mustaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl*, i. 268.

Berdasarkan penulisan Imam al-Ghazālī ini, dua perkara asas yang menjadi elemen kepada wujudnya konsep *al-maṣlahah* boleh disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Perkara tersebut mestilah mendatangkan *maṣlahah* dan menolak mudharat.
2. Perkara *maṣlahah* tersebut mestilah sesuatu yang dinilai berdasarkan pertimbangan syarak. Dalam kata lain, sesuatu perkara *maṣlahah* hendaklah tidak bercanggah dengan syarak yang disyariatkan untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta umat manusia.

Jelasnya, sesuatu *maṣlahah* sekalipun ia tidak mempunyai asas yang langsung daripada syarak (*mursalah*), namun ia mestilah tidak lari daripada semangat syarak yang suci dan mengutamakan kepentingan umum. Dalam hal ini, Ibn Taimiyyah berpandangan *maṣlahah* dan hukum syarak saling berkaitan khususnya sebagai penyebab dalam pembinaan hukum sehingga terdapat satu kaedah fekah yang berbunyi<sup>7</sup>:

الحكم يدور مع العلة وجودا وعدما

“Hukum berjalan seiring dengan sebab/alasan dari segi kewujudan dan ketiadaannya.”

Berasaskan kaedah ini, mewujudkan manfaat atau menghilangkan mudharat dalam sesuatu situasi atau keadaan boleh menjadi penyebab atau petanda (*‘illah*) kepada terasasnya sesuatu *maṣlahah* yang berasaskan syarak. Justeru, kewujudan sebab yang diiktiraf syarak dapat menyumbang kepada pembinaan sesuatu *maṣlahah* yang murni dan umum. Perkaitan hukum dengan sebab ini selaras dengan pandangan dalam aliran *Mu‘tazilah* bahawa dalam menetapkan hukum Allah SWT, hukum tersebut harus dikaitkan dengan tujuan tertentu bagi menjamin kemaslahatan kepada hamba-Nya<sup>8</sup>. Alasannya, jika hukum Allah SWT tidak dikaitkan dengan sesuatu tujuan maka hukum tersebut akan menjadi sesuatu yang sia-sia, sedangkan Allah SWT Maha Sempurna daripada

<sup>7</sup> Ibn Taymīyah, Aḥmad b ‘Abd al-Ḥālīm, *Majmū‘ al-Fatāwā*, (Qāhīrah: Dār al-Wafā’, vols. 35, 1997), xx. 556; Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Abd ‘Azīz b. ‘Alī, *Syarḥ Kawkab al-Munīr* (ed. Muḥammad Suhaylī et.al ; Jakarta: Maktabah al-Abīkan, vols. 4, 1997), iv. 152-186.

<sup>8</sup> Al-Āmidī, *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, vols. 4, 1942), i. 79; Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahāb al-Subkī, *Ḥāsyīyah al-Bannānī ‘alā Jam‘ al-Jawāmi‘*, (Damsyīq: Dār al-Fīkr, vols. 2, n.d.), i. 57; al-Syawkānī, Muḥammad b. ‘Alī b. Muḥammad, *Irsyād al-Fuḥūl ‘ilā Tahqīq al-Ḥaq min ‘Ilmi al-Uṣūl*, (Bayrūt :Dār al-Ma‘rifah, 1979), 7.

mencipta sesuatu yang sia-sia<sup>9</sup>. Dalam hal ini, Imam al-Shātibī juga bersetuju bahawa hukum-hukum syarak sentiasa bertepatan dengan matlamat atau tujuan syariat. Penentuan hukum dan sifat *taklīf* ke atas umat manusia bukan semata-mata untuk menunjukkan kemutlakan kekuasaan Allah SWT ke atas makhluk, tetapi juga ke arah kebaikan hidup umat manusia. Kenyataan ini sesuai dengan Islam sebagai suatu agama yang mengatur tatacara kehidupan yang terbaik (*a way of life*)<sup>10</sup>. Justeru, sekiranya sesuatu *maṣlahah* yang cuba dicapai berlawanan dengan tujuan syarak, maka *maṣlahah* tersebut akan ditolak dan tidak dibenarkan (*maṣlahah mulghāh*)<sup>11</sup>. Ringkasnya, *maṣlahah mursalah* ini mestilah sesuatu yang mulia yang dapat menyerlahkan keelokan dan keindahan syariat untuk umum manusia, di samping menjadi hikmah Allah SWT dalam perutusan syariat Islam di muka bumi ini. Matlamat ini sangat jelas pada dua firman Allah SWT yang berikut:

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ  
الرُّسُلِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٦٥﴾

“Rasul-rasul (yang kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa peringatan (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu alasan (untuk beralih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah SWT sesudah mengutus Rasul-rasul itu”.

(Surah al-Nisā’, 4: 165)

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ  
لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ ۗ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

<sup>9</sup> Al-Āmīdī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, i. 80; Al-Syawkānī, Muhammad b. ‘Alī b. Muhammad. *Irsyād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaq min ‘Ilm al-Uṣūl* (Bayrut: Dār al-Ma‘rifah. 1979), 7.

<sup>10</sup> Ibn Taymīyah, *Majmū‘ al-Fatāwā*, xi. 415,416,593,624.

<sup>11</sup> Al-Būṭī, Muḥammad Ṣa‘īd Ramaḍān, *Ḍawābīḥ al-Maṣlahah fī al-Syarī‘ah al-Islāmīyyah*, (Bayrūt:Mu’assasah al-Risālah, 1982), 110, 118, 144, 190, 217

*“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan, tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur”.*

(Surah al-Mā'idah, 5: 6)

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an ini, dapat diambil suatu kesimpulan bahawa setiap apa yang Allah SWT turunkan melalui al-Qur'an dan al-Sunnah adalah merupakan suatu gagasan untuk kebaikan dan kemaslahatan manusia. Mengulas hal ini, Imam al-Shāṭibī ada menyatakan<sup>12</sup>:

*“Sesungguhnya Syariat itu dilaksanakan untuk merealisasikan tujuan Pencipta (Allah) dengan tujuan menegakkan kebaikan (maṣāliḥ) bagi manusia dalam hal agama dan dunia secara bersamaan”.*

## **KEDUDUKAN MAṢLAḤAH DALAM AL-FARĀ'ID**

Sebagaimana telah dijelaskan, kedudukan *maṣlaḥah* yang selari dengan maksud syarak akan menjadi asas dalam pembentukan sesuatu hukum Islam. Dalam bidang *farā'id*, sejarah awal penurunan ayat-ayat *farā'id* jelas menunjukkan bahawa pertimbangan ke arah memberi *maṣlaḥah* kepada para waris telah lama berlaku. Ia menjadi asas hukum syarak bagi menjamin kebajikan kepada para waris dan mengelak daripada ketidakadilan pembahagian pusaka mengikut tradisi Jahiliyyah. Misalnya dalam kes pembahagian harta pusaka Sa'd b. al-Rabi', isteri Sa'd iaitu Umm Kuḥḥa telah mengadu kepada Rasulullah SAW apabila harta pusaknya telah dibolot oleh saudara lelaki sehingga mengambil haknya sebagai isteri dan hak dua anak perempuan Sa'd<sup>13</sup>. Berikutan itu, maka turunlah ayat *al-farā'id* yang memberi hak tertentu kepada waris yang tersisih ini demi *maṣlaḥah* iaitu memastikan kesinambungan tanggungan kewangan keluarga akibat kematian ketua keluarga atau penanggung nafkah.

Kebanyakan elemen *maṣlaḥah* dalam nas-nas syarak dan kes-kes terdahulu mengenai *al-farā'id* tidak diperlihatkan secara zahir tetapi melalui pemahaman secara tidak langsung menerusi nas yang bersifat umum (*ẓannī al-dalālah*).

<sup>12</sup> Al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā, *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Syarī'ah*, (Miṣr: Matba'at Maktabah al-Tujāriyyah, vols. 7, 1920), ii. 9; Al-Syāṭibī, Ibrāhīm b. Mūsā al-Lakhmī Abū Ishāq, *al-I'tiṣām* (Maktabah al-Tauḥīd, n.d.), 38.

<sup>13</sup> D.S. Powers, *Studies in Qur'ān and Ḥadīth: The Formation of the Islamic Law of Inheritance*, (London: University of California Press, 1986), 189-90, 195-98, 200, 203-206.

Elemen ini dikeluarkan menerusi pertimbangan *ijtihād* khususnya berdasarkan dalil-dalil yang tidak jelas dengan tujuan memberi jaminan *kemaṣlahāhan* kepada para waris pusaka. *Maṣlahāh* yang paling jelas dalam pembahagian harta pusaka ialah memastikan waris yang terdekat diberikan keutamaan hak untuk mewarisi dan mendapat bahagian yang lebih besar daripada waris yang lebih jauh. Dua fokus ini dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an mahupun al-Hadith sebagaimana yang tertera dalam Surah al-Nisā' ayat 7, 11, 12 dan 176. Justeru, ruang *ijtihād* adalah terbuka dalam kalangan *fuqahā'* khususnya untuk memahami *maṣlahāh* dan keutamaan waris di antara seorang dengan yang lain, meletakkan pertimbangan antara keperluan waris *nasab* dan kepentingan *bayt al-māl*, *maṣlahāh* untuk mendapat bahagian pusaka dua kali daripada kaedah *radd*, *maṣlahāh* ke atas waris *dhū arḥām* dan sebagainya. Pertimbangan *maṣlahāh* dalam hal-hal ini dibincangkan sebagaimana berikut;

### ***Maṣlahāh* kepada Waris**

Pertimbangan *maṣlahāh* kepada waris ini boleh dilihat daripada dua dimensi iaitu; Pertamanya, jaminan manfaat umum untuk waris di mana pada asasnya semua waris sama ada waris *nasab* (hubungan darah) atau waris *sabab* (misalnya melalui perkahwinan) adalah berhak mewarisi, tanpa mengira mereka itu mewarisi bersendirian atau berkongsi. Dalam hal ini, setiap waris berhak mendapat *maṣlahāh* daripada harta si mati dan tidak boleh dinafikan hak ini seperti melakukan wasiat untuk menghalang waris tertentu daripada pusaka melainkan atas alasan syarak seperti halangan ke atas pembunuh. Keduanya, jaminan keutamaan antara sesama waris iaitu waris yang terdekat mendapat *maṣlahāh* yang lebih besar berbanding waris yang jauh. Sebagai contoh, waris *farḍu* akan diutamakan daripada waris *'aṣābah* dan waris *uṣūl* diutamakan daripada waris *ḥawāsyī*.

Begitu juga dalam proses pembahagian pusaka, bagi memastikan *maṣlahāh* kepada semua waris dilaksanakan secara adil dan saksama, *fuqahā'* berpandangan bahawa semua waris adalah berhak mendapat pertimbangan *maṣlahāh* yang sekata. Konsep ini dapat dilihat dalam kes *'awl* apabila bilangan waris yang berhak mewarisi adalah melebihi daripada nilai harta yang ditinggalkan sehingga menyebabkan masing-masing mewarisi sedikit sahaja daripada harta pusaka<sup>14</sup>. Dalam hal ini, pertimbangan *maṣlahāh* menetapkan bahawa setiap waris akan diberikan pengurangan bahagian pusaka secara sekata dan saksama mengikut kadar bahagian pusaka masing-

<sup>14</sup> Al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, *al-Mabsūt*, (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, vols. 30, n.d.), xxix. 161.

masing. Penentuan *maṣlahah* sebegini adalah berdasarkan kaedah yang pernah dicadangkan oleh Ibn ‘Abbās kepada Saidina ‘Umar<sup>15</sup>, di mana al-‘Abbās telah membandingkan masalah ‘awl ini dengan kedudukan orang yang berhutang sebagaimana katanya<sup>16</sup>:

يا أمير المؤمنين! لو مات رجل وترك ستة درهم ولرجل عليه ثلاثة ولآخر  
عليه أربعة كيف تصنع؟ أليس تجعل المال سبعة أجزاء؟ قال نعم. فقال  
العباس هو ذلك

“Wahai Amir al-Mukminin! Sekiranya seseorang meninggal dunia dan meninggalkan enam dirham, sedangkan dia mempunyai hutang sebanyak tiga dirham dan ke atas seorang yang lain empat dirham, bukankah kamu akan jadikan hartanya itu terbahagi kepada tujuh bahagian? Jawab ‘Umar: Benar. Maka kata Ibn ‘Abbas: Maka begitulah pembahagiannya.”

Berdasarkan kaedah ini, semua waris yang berhak masih mendapat jaminan *maṣlahah* bahagian pusaka mengikut keutamaan masing-masing. Contohnya, bahagian akhir untuk anak perempuan misalnya mestilah dua kali lebih banyak daripada bahagian ayahnya (1/2 berbanding bahagian ayahnya 1/4), tiga kali lebih banyak daripada bahagian neneknya (1/2 berbanding 1/6) dan empat kali lebih banyak daripada bahagian ibunya (1/2 berbanding 1/8) sama ada dalam keadaan biasa atau dalam keadaan ‘awl<sup>17</sup>.

Bagaimanapun, pertimbangan *maṣlahah* ini adalah khusus dalam perkara *ijtihādī* sahaja sehingga Ibn ‘Abbas berubah pendirian apabila mendapati hal ini sebenarnya melibatkan hukum yang jelas (*qaṭ‘ī*)<sup>18</sup>. Menarik balik pandangan awalnya, Ibn ‘Abbās menyatakan pertimbangan *maṣlahah* hendaklah tidak boleh

<sup>15</sup> Muḥammad Alī al-Ṣabūnī, *Pembagian Waris Menurut Islām* (trans. A. M. Basalamah; Jakarta: Gema Insani Press, 1995), 98-99.

<sup>16</sup> Muḥammad Muḥyi al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, *Aḥkām al-Mawārīth fī Syarī‘ah al-Islāmīyah ‘alā Madhāhib al-A‘immah al-Arba‘ah* (Bayrūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1991) 166.

<sup>17</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, (Miṣr: Dār Fīkr al-Arabī, 1958), 99; N. J. Coulson, *A History of Islamic Law* (Edinburgh: University Press, 1971), 49.

<sup>18</sup> ‘Abd Allāh al-Darqāwī, *Aḥkām al-Ṭarīkāt wa al-Mawārīth wifqa al-Madhāhib al-Arba‘ah – Dirāsah wa Taṭbīq* (al-Ribāt: al-Ṭab‘at al-‘Ūla, 1999), 162; Syaykh Ḥusayn Yāsuf Ghazāl, *al-Mīrāth ‘inda al-Madhāhib al-Arba‘ah Dirāsah wa Taṭbīqan* (Damsyīq: Dār al-Fīkr, 1996), 109; Zakarīyā al-Bārī, *al-Wasīṭ fī Aḥkām al-Ṭarīkat wa al-Mawārīth* (Qāhirah: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, ed. 4, 1975M/1935H), 193,198; Muḥammad Muḥyi al-Dīn, *Aḥkām al-Mawārīth*, 166.



bertentangan dengan maksud *zāhīr* nas al-Qur'an kerana ia akan menjadikan *maṣlaḥah* itu tidak berguna (*mulghāh*)<sup>19</sup>. Menegaskan pandangan terbarunya, Ibn 'Abbas menyatakan semua waris mempunyai keutamaan, kedudukan dan hak yang berbeza dalam *al-farā'id*. Perbezaan hierarki waris ini berasaskan kenyataan bahawa para waris sebenarnya terdiri daripada dua kategori iaitu waris yang perlu diutamakan (*taqdīm*) dan waris yang perlu dikemudiankan (*ta'khīr*)<sup>20</sup>. Waris yang perlu diutamakan ialah waris yang menerima pusaka secara *farḍu* (tetap) di mana bahagian mereka telah ditetapkan syarak, justeru tidak boleh dikurangkan. Manakala waris yang perlu dikemudiankan ialah waris yang menerima bahagian *'aṣābah* (baki) dan kerana itu bahagian mereka boleh dikurangkan sehingga sifar sekiranya tiada baki daripada harta pusaka<sup>21</sup>. Justeru, kaedah pengurangan pusaka secara sekata mengikut nisbah kadar pusaka tidak boleh dilakukan secara umum kerana ia bertentangan dengan hak waris *taqdīm*. Pengurangan hanya boleh dilakukan ke atas waris *ta'khīr* sahaja yang bahagian mereka lebih fleksibel sehingga tidak mengambil langsung bahagian pusaka jika tiada baki harta<sup>22</sup>.

Dalam kes pewarisan harta pusaka sama ada secara bersendirian atau berkongsi pula, sebahagian waris diberikan hak untuk mewarisi secara berkongsi dengan waris yang setaraf antara mereka bagi memastikan *maṣlaḥah* ke atas sesetengah waris seperti *maṣlaḥah* saudara dalam kes pusaka datuk dan saudara, dan *maṣlaḥah* saudara seibu sebapa dalam kes pusaka saudara lelaki seibu dan saudara lelaki seibu sebapa (*al-ḥimārīyah*)<sup>23</sup>. Pewarisan bersama datuk dan saudara adalah merupakan pandangan 'Umar, Zayd dan Ibn Mas'ud yang dibuat berdasarkan kaedah "selang waris" iaitu datuk dan saudara sama-sama diselangi oleh bapa<sup>24</sup>. Oleh itu, saudara adalah seperti

<sup>19</sup> Al-Syīrāzī, *al-Fīqh al-Mawsū'ah Istidlālīyyah fī al-Fīqh al-Islāmī*, (Bayrūt: Dār al-'Ulūm, vols. 2, 1988), ii. 37; Abdullah Şiddīk, *Hukum Waris Islām dan Perkembangannya di Seluruh Dunia*, (Jakarta: Penerbit Widjaya, 1984), 25.

<sup>20</sup> Al-Dārimī, 'Abd Allāh b. 'Abd al-Raḥmān b. al-Faḍl b. Baḥrām ibn 'Abd al-Şamad al-Tamīmī al-Sarqandī, *Sunan al-Dārimī* (Damsyīq: Maṭba'at al-Ḥadīthah, vols. 2, 1349H), ii. 399; al-San'ānī, 'Abd al-Razzāq b. Ḥammām, *al-Muṣannaḥ*, (n.p: Majlis 'Ilmī, vols. 12, n.d.), x. 258.

<sup>21</sup> Al-San'ānī, *al-Muṣannaḥ*, x. 259, no.19035.

<sup>22</sup> Al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ*, xxix. 161.

<sup>23</sup> Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad 'Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad, *al-Mughnī*, Sa'ūdi (Arabīa: Dār 'Alim al-Kutub, j. 9, 1999), 77-78; Al-Bārī, Zakarīyā. *al-Wasīṭ fī Aḥkām al-Ṭarīkāt wa al-Mawāriṭh* (Qāhirah: Dār al-Naḥḍah al-'Arābiyah, ed. 4, 1975M/1395H), 114.

<sup>24</sup> Ibn 'Ābīdīn, Muḥammad Amīn, *Hāsyiyah Rad al-Mukhtār*, (Mişr: Maṭba'at Muştafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlādūh, vols. 14, 1966), vi. 781.

datuk yang mempunyai *maṣlahah* yang sama ke atas harta pusaka si mati<sup>25</sup> dan menyebabkan mereka mewarisi secara bersama<sup>26</sup>. Menurut Zayd berdasarkan *istiḥsān*, kedudukan datuk sebenarnya lebih baik daripada saudara iaitu di pertengahan antara dua kedudukan iaitu di bawah daripada bapa tetapi di atas daripada saudara<sup>27</sup>. Namun demikian, *maṣlahah* untuk saudara tidak boleh dipandangan ringan kerana kebiasaannya saudara akan hidup lebih lama daripada datuk dan mampu menjadi waris pelindung yang lebih baik kepada keluarga si mati. Bagaimanapun, *maṣlahah* ini tidak diterima dan dianggap *mulghāh* oleh Saidina Abu Bakr al-Siddiq, ‘Uthman, Ibn ‘Abbās dan ‘Āisyah hingga berpandangan datuk akan mewarisi sebagai bapa hingga berkuasa menghijab saudara<sup>28</sup>.

Pertimbangan *maṣlahah* kepada waris juga diberikan dalam kes *al-ḥimārīyyah* atau *al-musyārakah*, di mana saudara seibu sebapa dan saudara seibu akan berkongsi mewarisi harta pusaka apabila bersama mereka terdapat suami dan ibu kepada si mati. Mengikut kaedah asal, saudara seibu sebapa adalah terhijab daripada mewarisi kerana merupakan waris *‘aṣābah* dan harta pusaka telah dihabiskan oleh saudara seibu, suami dan ibu sebagai waris *fardu*. Justeru demi *maṣlahah* saudara seibu sebapa, Zayd b. Thābit, Saidinā ‘Uthman dan ahli Madinah berpendirian saudara seibu sebapa mempunyai *maṣlahah* yang sama dengan saudara seibu kerana memiliki ibu yang sama, malah lebih dekat dengan si mati kerana turut mempunyai bapa yang sama<sup>29</sup>. Sesuai

---

<sup>25</sup> *Sunan al-Dārimī*, ii. 354; Abū Dāwūd, Sulaymān b al-Asy‘āth b. Ishāq al-Azdī al-Sajastānī, *Sunan Abī Dawūd* (Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, vols. 4, 1952), ii. 110; Syawkānī, Muḥammad b ‘Alī b Muḥammad, *Nayl al-Awṭār* (Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, vols. 8, n.d. ), v. 69.

<sup>26</sup> Aḥmad Muḥammad ‘Alī Dāwūd, *al-Ḥuqūq al-Muta‘alliqah bi al-Tarīkah bayna al-Fīqh wa al-Qānūn* (‘Ammān: Maktabah Dār al-Thaqāfat li al-Naṣyr wa al-Tawzī‘, 1977), 376; N. J. Coulson, *A History of Islamic Law*, 82-85.

<sup>27</sup> ‘Uthmān al-Tāhir Hablūs, *al-Fā‘id ‘alā Madhāhib al-A‘immah al-Arba‘ah Dirāsah Fiḥhiyyah Muqāranah* (Maghribi: Maṭba‘ah Fadālah al-Muḥammadiyah, 1999), 129.

<sup>28</sup> Ibn ‘Ābīdīn, *Hāsyiyah Radd al-Muḥtār*, vi. 762, 781; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, ix. 65; al-Syaybānī, *Muwatṭā‘ al-Imām Mālik* (Damsyīq: Dār al-Qalām, 1992), 125; ‘Uthmān al-Tāhir Hablūs, *al-Fā‘id ‘alā Madhāhib al-A‘immah al-Arba‘ah Dirāsah Fiḥhiyyah Muqāranah*, 127.

<sup>29</sup> Al-Ṣan‘ānī, *al-Muṣannaf*, x. 251-252; Aḥmad Muḥammad ‘Alī Dāwūd, *al-Ḥuqūq*, 352-353.

dengan *maṣlahah* ini, Imam Maliki dan Syafi'i menerima pembahagian secara *al-musyarakah* berdasarkan persamaan *maṣlahah* yang wujud ini<sup>30</sup>.

Pandangan ini juga disokong oleh Saidina 'Umar dalam pandangannya yang kedua<sup>31</sup> tetapi dibina atas dasar *istiḥsān*<sup>32</sup>. Bagaimanapun, Imam Abu Ḥanīfah yang mempopularkan kaedah *istiḥsān* tidak pula menerima *maṣlahah* yang dinyatakan dalam kes *al-musyarakah* ini dan menganggapnya sebagai *mulghāh*. Sementara Imam Ahmad yang didapati konsisten dengan pandangannya apabila tidak menerima kedua-dua prinsip hukum sama ada *istiḥsān* mahupun *maṣlahah*<sup>33</sup> dan melakukan pembahagian pusaka seperti biasa iaitu mengutamakan ahli *farḍu* ke atas ahli *'aṣābah* sehingga saudara seibu sebapa terhijab daripada mewarisi.

### ***Maṣlahah* atas Lebihan Harta**

Persoalan *maṣlahah* di sini ialah sama ada harta yang lebih selepas pembahagian harta pusaka boleh dimanfaatkan sekali lagi untuk para waris atau diberikan kepada umum umat Islam, melalui pewarisan *bayt al-māl*. Isu ini kebiasaannya dibicarakan dalam ilmu *al-farā'id* di bawah persoalan *rad*. *Rad* ialah mengembalikkan sisa atau lebihan harta pusaka selepas pembahagian harta pusaka kepada para waris *farḍu* dilakukan. Keadaan ini berlaku apabila bilangan waris adalah kurang daripada nilai harta dan tiada waris *'aṣābah* yang mewarisi bersama<sup>34</sup>. Dalam kes ini, waris *farḍu* tidak dapat menghabiskan harta pusaka yang ditinggalkan berdasarkan kadar yang ditetapkan syarak dan hasilnya mewujudkan sisa pembahagian. Justeru, terdapat pandangan yang bersetuju supaya harta pusaka dikembalikan (*rad*) kepada waris *farḍu* semula

<sup>30</sup> Al-Dusūqī, Syams al-Dīn Muḥammad, *Hāsyīyat al-Dusūqī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr*, (Miṣr: 'Isā al-Bābī al-Ḥalābī wa Syurākāhu, vols. 4, n.d.), iv. 466; Al-Ramlī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Abī al-'Abbās Ahmad b. Ḥamzah ibn Syiḥāb al-Dīn, *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* (Miṣr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlādahu. vols. 8, 1967), vi. 21.

<sup>31</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl Fīqh al-Islāmī* (Damsyīq: Dār al-Fīkr, vols. 2, 1996), ii. 1115-1116; al-Ramlī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Abī al-'Abbās Ahmad b. Ḥamzah ibn Syiḥāb al-Dīn, *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, vi. 21; Al-Ṣan'ānī, *al-Muṣannaf*, x. 249-250; Syaykh Ḥusayn Yūsūf Ghazāl, *al-Mirāth*, 80; Muḥammad Muṣṭafā Alī Khān, *Islāmic Law of Inheritance A New Approach*, (New Delhi: Kitāb Bhavan, 1989), 126.

<sup>32</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, ix. 26.

<sup>33</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fīqh al-Islāmī wa Adillatuh*, iv. 7772; N. J. Coulson, *A History of Islamic Law*, 77.

<sup>34</sup> Al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ*, xxix. 161.

atas dasar memberi *maṣlahah* yang lebih kepada waris si mati. Sementara terdapat juga pandangan supaya lebih harta pusaka tersebut diberikan kepada *bayt al-māl* atas dasar *maṣlahah* kepada umum umat Islam.

Dalam hal ini, Saīdinā ‘Umar berpandangan *kemaṣlahahan* waris *farḍu* lebih utama untuk mendapat *rad* berbanding *bayt al-māl* kerana faktor hubungan darah dan kebajikan untuk waris terdekat. Atas dasar hubungan darah, *rad* hendaklah diberikan kepada semua waris *farḍu* tersebut selain suami, isteri, bapa dan datuk. Suami dan isteri tidak mendapat *rad* kerana mereka bukan waris berdasarkan hubungan darah manakala bapa dan datuk tidak mendapat *rad* kerana mereka juga adalah penerima *‘aṣābah*<sup>35</sup>. Pandangan ini juga adalah merupakan pandangan oleh jumhur *Ṣaḥābat* dan *Tābi‘īn* seperti Ibn Mas‘ud (m. 33H), Saīdinā ‘Ali (m. 40H) dan Ibn ‘Abbas (m. 68H)<sup>36</sup>.

Manakala Saīdinā ‘Uthman mempunyai pandangan yang lebih terbuka apabila memberikan *rad* kepada semua waris *farḍu* termasuk suami dan isteri. Saīdinā ‘Uthman tidak membezakan sama ada hubungan berdasarkan hubungan darah keturunan (*nasabiyyah*) ataupun perkahwinan (*sababiyyah*). Keadaan ini kerana jika kadar pusaka suami dan isteri dikurangkan secara purata secara bersama dengan para waris yang lain dalam kes *‘awl*, maka sewajarnya mereka patut mendapat *maṣlahah* yang sama dalam kes *rad* sesuai dengan kaedah *fiqh* mengenai “persamaan kelebihan dan kekurangan” (الغرم بالغنم) iaitu kelebihan yang diperolehi semasa *rad* hendaklah bersamaan dengan kekurangan semasa *‘awl* (ليكون الغنم في حالة الرد بالغرم في حالة العول)<sup>37</sup>. Pandangan Saīdinā ‘Uthman ini telah disokong oleh Jabir b. Sa‘īd daripada *fuqahā’ Tābi‘īn*. Walau bagaimanapun, Ibrahim al-Nakha‘ī<sup>38</sup> menyatakan bahawa pandangan yang menyatakan Saīdinā ‘Uthman telah turut memberikan suami dan isteri *rad* adalah lemah kerana tiada seorang *ṣaḥābat* pun diriwayatkan telah memberikan *rad* kepada

<sup>35</sup> Hakikatnya, penafian *rad* untuk bapa dan datuk ini tidak timbul kerana tentunya mereka akan menghabiskan harta pusaka tersebut sekiranya mereka ada. Lihat Zakarīyā al-Bārī, *al-Wasīṭ*, 205.

<sup>36</sup> Muḥammad Khayrī al-Muḥṭī, *‘Ilm al-Farā‘id wa al-Mawāriṭh* (Damsyīq: n.p, n.d.), 348; Ibn ‘Ābīdīn, *Ḥāsiyyah Radd al-Muḥṭār*, vi. 766; Syaykh Ḥusayn Yūsuf Ghazāl, *al-Mīrāṭh*, 14.

<sup>37</sup> Syaraf al-Dīn, ‘Abd al-‘Azīm, *Aḥkām al-Mīrāṭh wa al-Waṣīyyah fī al-Syarī‘ah al-Islāmīyyah* (Qāhirah: Dār al-Fīkr al-Ḥadīth, 1962), 95.

<sup>38</sup> J. Schacht, “Pre-Islāmic Background and Early Development of Jurisprudence”, *Law in the Middle East – Origin and Development of Islāmic Law* (ed. Majid Khadduri and Herbert J. Liebesny; Washington D.C.: The Middle East Institute, 1955), i. 39.

suami dan isteri<sup>39</sup>. Jika berlaku sekalipun menurut al-Nakha'ī, pemberian tersebut sebenarnya bukanlah sebagai *rad* tetapi atas kapasiti suami tersebut sama ada sebagai waris '*aṣābah* ataupun *dhū arḥām*.

Dalam mempertimbangkan pembahagian ke atas harta pusaka yang lebih selepas pembahagian pertama dilakukan ini juga, sebahagian *fuqahā'* berpandangan supaya mengutamakan *maṣlahah* kepada waris yang berasaskan hubungan darah seperti *dhū arḥām* daripada pemberian kepada *bayt al-māl*<sup>40</sup>. Kepentingan waris *arḥām* diasaskan pada kedudukan mereka sebagai waris kerabat yang mempunyai hubungan yang rapat dengan si mati. Mereka tidak sepatutnya dikemudiankan dan diletakkan setaraf dengan umat Islam yang lain atas dasar "saudara se-Islam"<sup>41</sup>. Bagi menyokong keutamaan *maṣlahah* untuk waris *dhū arḥām* ini, Ibn Rusyd membandingkan dengan keutamaan tanggungjawab *dhū arḥām* dalam menguruskan jenazah si mati dan menyelesaikan hutang piutang yang ditinggalkan. Justeru, sekiranya *dhū arḥām* terpaksa memikul tanggungjawab ini, maka tentulah mereka lebih utama untuk mendapat harta pusaka berbanding *bayt al-māl*<sup>42</sup>. Malah, Allah SWT telah meletakkan kedudukan *dhū arḥām* sebagai waris terdekat melalui frasa "الأقربون"<sup>43</sup>. Keterangan ini menguatkan lagi kedudukan waris ini untuk mewarisi lebih harta pusaka (*rad*). Pandangan ini bukanlah asing kerana terdapat pandangan mutakhir daripada Mazhab Syafī'i, harta pusaka hendaklah diberikan kepada waris *arḥām* sekiranya berlaku pengurusan *bayt al-māl* yang tidak teratur yang boleh menyebabkan kepentingan umum umat Islam tidak terjamin<sup>44</sup>. Dalam usaha mengenengahkan *maṣlahah* untuk waris *arḥām* melalui *rad* ini, Saidinā 'Umar pernah meluahkan kata-kata sindiran iaitu, "sungguh 'ajaib bagi waris *arḥām* yang pusakanya boleh diwarisi oleh warisnya tetapi beliau tidak boleh mewarisi daripada mereka"<sup>45</sup>.

<sup>39</sup> Badrān Abū al-'Aynayn, *al-Mawāriṭh wa al-Waṣīyyah wa al-Hibāh fī al-Syarī'ah al-Islāmīyyah wa al-Qānūn* (Iskandarīyyah: Mu'assasah Syabāb al-Jāmi'ah, 1975) 77; Syaraf al-Dīn, *Aḥkām al-Mīrāth*, 70.

<sup>40</sup> Ibn 'Ābidīn, *Ḥāsyīyat Radd al-Mukhtār*, 762; Syaraf al-Dīn, *Aḥkām al-Mīrāth*, 71.

<sup>41</sup> Syaraf al-Dīn, *Aḥkām al-Mīrāth*, 73; Zakarīyā al-Bārī, *al-Wasīṭ*, 220.

<sup>42</sup> Ibn Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Qāhirah: Maṭba'ah al-Ma'had, vols. 2, 1935), ii. 318-319.

<sup>43</sup> Surah al-Nisā' 4: 7.

<sup>44</sup> Aḥmad Muḥammad 'Alī Dāwud, *al-Ḥuqūq al-Muta'alliqah bi al-Tarīkh bayna al-Fiḥ wa al-Qānūn* (Ammān: Maktabah Dār al-Thaqāfāt li al-Nasyr wa al-Tawzī', 1977), 274.

<sup>45</sup> Ibn al-Athīr, al-Mubārak b. Muḥammad al-Jazārī, *Jāmi' al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, (n.p: Maktabah al-Ḥalwānī, vols. 11, 1972), ix. 619.

## **Maṣlahah Umum Umat Islam**

Pertimbangan *maṣlahah* umum umat Islam merupakan pertimbangan yang menjadi keutamaan dalam Islam kerana itulah asas pensyariaan Islam. Jaminan ini muncul dalam kebanyakan perbincangan mengenai hal ini yang dizahirkan melalui istilah “*maṣlahah al-‘ammāh*”. Justeru, sesuatu pandangan oleh para *fuqahā’* hendaklah memberikan pertimbangan yang paling bermanfaat kepada anggota masyarakat<sup>46</sup>. Dalam konteks ekonomi, *maṣlahah* umat Islam diuruskan oleh *bayt al-māl* yang ditubuhkan sejak zaman *Saidinā ‘Umar al-Khattāb* lagi bagi mengumpul dan mengagihkan harta untuk kebajikan umat Islam dan seluruh rakyat<sup>47</sup>. Sehingga dalam persoalan harta pusaka, sebahagian *fuqahā’* berpandangan *bayt al-māl* akan mewarisi harta pusaka yang lebih atau dalam kes si mati tidak meninggalkan sebarang waris demi menjaga *maṣlahah* harta dan *maṣlahah* umat Islam, di mana *bayt al-māl* bertindak sebagai pihak yang paling berhak (حق الإستحقاق) untuk memegang amanah dalam mengurus dan membelanjakan harta pusaka tersebut dengan sebaiknya<sup>48</sup>.

Pandangan ini dipelopori oleh *Zayd* dan mendapat sokongan daripada sebahagian besar ulama seperti Imam Malik, Syafi‘i dan Awza‘i<sup>49</sup>. Harta ini boleh dimanfaatkan oleh sebahagian besar umat Islam dalam memenuhi apa sahaja keperluan dan mengatasi apa sahaja kesukaran. Pandangan ini dibuat berdasarkan peruntukan nas syarak yang jelas yang menunjukkan bahawa pemerintah bertanggungjawab ke atas harta-harta tersebut. Keterangan ini menunjukkan ia adalah *maṣlahah* yang diterima syarak (*mu‘tabarah*). Konsep pewarisan pemerintah ini bersamaan dengan tafsiran *Syī‘ah* ke atas konsep *mawālī* dalam hal pewarisan oleh Imam atau *mujtahid*. Menurut *Syī‘ah*, Imam akan mewarisi dan bertanggungjawab untuk membelanjakan harta pusaka yang lebih atau tidak bertuan untuk *maṣlahah* umat Islam<sup>50</sup>. Begitu juga harta

<sup>46</sup> N. J. Coulson, *A History of Islamic Law*, 87.

<sup>47</sup> Hailani Muji Tahir, *Bayt al-Mal: Institusi Kewangan Negara Islam dan Asas Belanjawan Negara* (Selangor: al-Rahmaniah, 1982), 12.

<sup>48</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, ix. 49; al-Ḥāmīd, *Aḥkām al-Mawārīth fī Syarī‘ah al-Islāmīyyah ‘alā Maḍhāhib al-A‘immah al-Arba‘ah*, 30-34; Abī al-Ḥujjāj Yūsūf b. Dūnaṣ al-Fandalāwī, *Kitāb Taḥzīb al-Masālik fī Nuṣrati Maḍhhab Mālik* (ed. Aḥmad b Muḥammad al-Busyaykhī; al-Mamlakah al-Maghribīyyah: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmīyyah, 1998), 687.

<sup>49</sup> Al-Syaybānī, *Muwaṭṭā’ al-Imām Mālik*, (Damsyīq: Dār al-Qalam, 1992), 129.

<sup>50</sup> Aḥmad Muḥammad ‘Alī Dāwud, *Aḥkām al-Mīrāth*, 273; Syed Ameer Alī, M. A., *The Law Relating to Gifts, Trusts and Testamentary Dispositions Among the Mahomedans According to the Hanafi, Māliki, Shafei and Shiah Schools*, (Calcutta: Thacker, Spink & Co., 1885), 11-12.

pusaka orang bukan Islam, harus dimasukkan dalam pentadbiran *bayt al-māl* dan hendaklah diuruskan untuk kebajikan umum rakyat dalam negara. Keadaan ini berbeza dalam kes *rad*, yang tiada *nas* yang jelas dan menurut Imam Syafi'i telah diputuskan bersandarkan *istiḥsān*. Bagaimanapun, Imam al-Syafi'i sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini telah mengecualikan kaedah *rad* kepada waris *dhū arḥām* sekiranya pentadbiran *bayt al-māl* tidak teratur atas alasan *maṣlahah*<sup>51</sup>.

Imam Abu Ḥanīfah dan Imam Ahmad b. Hanbal bagaimanapun menghadkan fungsi *bayt al-māl* dalam menerima *maṣlahah* ini. Menurut mereka, pewarisan pusaka oleh *bayt al-māl* adalah atas dasar *maṣlahah* dalam menjaga harta pusaka yang tidak bertuan atau menguruskan sementara harta yang tidak diketahui waris. Bagaimanapun, pemilikan ini tidak mutlak dan akan dikembalikan apabila ditemui waris yang sah. Ini kerana asas dan perkara dasar ialah *maṣlahah* ke atas hak-hak waris sebagai waris terdekat kepada si mati<sup>52</sup>. Sedangkan fungsi *bayt al-māl* hanyalah sebagai pemegang amanah bagi harta tanpa waris (مال ضائع). Oleh kerana itu, *bayt al-māl* tidak boleh menjadi waris pusaka atas kapasitasnya sendiri (*per se*) kerana di samping menerima harta pusaka daripada orang Islam, *bayt al-māl* juga menerima harta daripada orang bukan Islam yang tiada waris. Jika *bayt al-māl* berkapasiti sebagai waris pusaka, maka tentulah *bayt al-māl* tidak boleh menerima harta daripada orang bukan Islam yang tiada waris kerana harta pusaka orang bukan Islam tidak boleh diwarisi oleh orang Islam<sup>53</sup>. Justeru, sewajarnya *maṣlahah* waris hendaklah diutamakan daripada *bayt al-māl* dalam mendapatkan harta pusaka yang lebih (*rad*).

### ***Maṣlahah* Waris yang Terhalang**

Demi *maṣlahah* waris, waris yang terhalang daripada mewarisi harta pusaka juga mempunyai *maṣlahah* tertentu yang perlu dipelihara bagi memastikan hak tanggungan dan kebajikan mereka tidak terputus setelah berlakunya kematian pada penanggung harta (pewaris mereka). Dalam melihat kemaslahatan ini, kedudukan *maṣlahah* waris boleh dibicangkan daripada dua sudut iaitu waris yang menerima halangan sepenuhnya dan waris yang menerima halangan

<sup>51</sup> Zakarīyā al-Bārī, *al-Wasīṭ*, 202-203; Bakrī, Abī Bakr 'Uthmān b. Muḥammad Syattā al-Dimyātī, *Ḥāsiyah I'ānah al-Ṭālīb*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmīyah, vols. 4, n.d.), iii. 386.

<sup>52</sup> Muḥammad Khayrī al-Muḥīṭ, *Ilm al-Farā'id*, 348.

<sup>53</sup> Aḥmad Muḥammad 'Alī Dāwūd, *al-Ḥuquq*, ii. 4; Syaraf al-Dīn, *Aḥkām al-Mīrāth*, 105.

sebahagian, dan sama ada halangan tersebut berlaku dengan sebab ketetapan syarak atau dengan sebab kemaksiatan yang dilakukan.

Bagi halangan sepenuhnya, para waris masih dijamin *maṣlahah* mereka daripada harta penanggung nafkah menerusi kaedah alternatif pindah milik harta seperti wasiat atau *hibah*. Malah instrumen wasiat amat digalakkan menerusi hadis-hadis dan kisah Sahabat terdahulu supaya tidak meninggalkan para waris dalam kemiskinan dan kesusahan sebagaimana berikut:

*‘Amir b. Sa’d daripada bapanya Sa’d b. Abi Waqqaṣ ada meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, “Sesungguhnya sekiranya kamu meninggalkan anak-anakmu di dalam kemewahan adalah lebih baik daripada meninggalkan mereka di dalam kesusahan, meminta-minta kepada manusia lain”.* (Riwayat al-Bukhari)

Justeru, waris dan bukan waris mempunyai *maṣlahah* tertentu yang perlu dipelihara sehingga Rasulullah SAW menghadkan kapasiti wasiat sehingga satu pertiga, iaitu satu pertiga untuk bukan waris dan dua pertiga untuk waris<sup>54</sup>. *Maṣlahah* kepada waris melalui haknya untuk mewarisi dua pertiga daripada harta, manakala *maṣlahah* kepada bukan waris pula melalui haknya untuk mendapat wasiat daripada satu pertiga harta yang baki tersebut. Wasiat juga ditegah daripada diberikan kepada waris pusaka supaya ia tidak mengurangi *maṣlahah* waris pusaka yang lain yang sepatutnya mendapat nilai pusaka yang lebih besar. Wasiat yang dilakukan ke atas waris yang telah mendapat pusaka adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan<sup>55</sup>. Bagaimanapun waris yang terhalang daripada mewarisi hendaklah dijamin *maṣlahah* mereka untuk mendapat wasiat. Dalam hal ini, *maṣlahah* untuk melakukan wasiat kepada bukan waris boleh dilakukan dengan meluas sehinggalah melibatkan waris yang bukan Islam<sup>56</sup>.

Bagi pemilik harta yang terlupa untuk melakukan wasiat kepada waris terdekat yang terhalang ini, *maṣlahah* untuk mereka juga turut dijamin. Dalam hal ini, Ibn Ḥazm al-Zāḥirī mengeluarkan pandangan sekiranya pewaris meninggal dunia tanpa membuat wasiat untuk keluarga terdekat (*‘aqārib*) dan waris tersebut pula terhijab daripada mewarisi, maka pemerintah boleh mengambil tempat pembuat wasiat tersebut dengan memberikan waris tersebut

<sup>54</sup> Aḥmad Muḥammad ‘Alī Dawūd, *al-Ḥuqūq*, 310.

<sup>55</sup> Muḥammad Ṣāleḥ al-Munjed, *Mawqī‘ al-Islām Su’āl wa Jawāb* (Maktabah al-Syāmilah, 2009), i. 55.

<sup>56</sup> Lujnah Fatwā al-Syabkah al-Islāmīyyah, *Fatāwā al-Syabkah al-Islāmīyyah*, (Maktabah al-Syāmilah, 2009), xii. 5953.



sebahagian daripada harta pusaka seolah wasiat telah dilakukan. Konsep ini dikenali sebagai *waṣīyyah wājibah* yang diputuskan berdasar kaedah *siyāsah syar'īyyah* bahawa pemerintah harus melakukan sesuatu perintah atau tindakan atas dasar kemaslahatan umum manusia<sup>57</sup>. Dalam hal ini demi *maṣlahah* waris yang tertentu. Bagaimanapun, hak untuk mendapat wasiat ini hanya diberikan kepada waris yang terhalang daripada pusaka kerana halangan syarak seperti waris *dhū arḥām*,<sup>58</sup> dan bukannya kerana maksiat seperti pembunuh atau murtad. Kaedah ini bagi menjamin *maṣlahah* kepada waris yang tertinggal tersebut daripada unsur kezaliman dan ketidakadilan akibat kegagalan melakukan wasiat atau *hibah*<sup>59</sup>. Menurut Ibn 'Abd al-Barr, tiada *khilāf* dalam kalangan *fuqahā'* untuk menjadikan wasiat kepada waris yang tidak menerima pusaka sekiranya mereka fakir dan miskin kerana inilah maksud pelaksanaan *maṣlahah* yang sebenar<sup>60</sup>.

Manakala dalam kes halangan oleh sebab kemaksiatan seperti dalam kes sumpah *li'ān*, murtad, pembunuhan dan sebagainya, walaupun dalam kes sebegini hubungan pewarisan antara pewaris dan waris adalah terputus, tetapi waris tersebut masih berhak menerima *maṣlahah* tertentu seperti wasiat, atau dalam kes tertentu tidak terhalang daripada mewarisi harta pusaka daripada pasangan pewaris tersebut. Sebagai contoh berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Syawkānī<sup>61</sup>, syarak masih memberikan hak pusaka kepada anak *li'ān* menerusi waris sebelah ibu. Ini menunjukkan bahawa *maṣlahah* anak *li'ān* masih dijamin, di samping mereka juga layak untuk mendapat wasiat daripada bapa mereka. Termasuklah dalam kes ini ialah waris yang murtad yang berhak mendapat *maṣlahah* menerusi wasiat. Melainkan dalam kes pembunuh, pertimbangan *maṣlahah* yang diambil kira oleh Imam Syafī 'i<sup>62</sup> dan beberapa *fuqahā'* lain memutuskan bahawa pembunuh adalah dihalang daripada mewarisi atau mendapat wasiat atas jenayah yang dilakukan ke atas pemilik harta.

<sup>57</sup> Syaraf al-Dīn, *Aḥkām al-Mīrāth*, 169.

<sup>58</sup> Abd. Aziz Mohammed Zaid, *The Islāmic Law of Bequest* (London: Scorpion Publishing Ltd., 1986), 13; Abd. Azis Dahlan *et. al.* (eds.), *Ensiklopedi Hukum Islam* (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, vols. 6, 1996), vi. 1930.

<sup>59</sup> Ibn Hazm, Abū Muhammad 'Ali b. Ahmad b Sa'id b. Ḥazm al-Andalūsi, *al-Muḥallā*, (Qāhirah: Ṭab'ah Munir al-Dimasyqī, vols. 12, 1970), ix. 314.

<sup>60</sup> Al-'Aynī, *al-Banānah fī Syarḥ al-Ḥidāyah* (Bayrūt: Dār al-Fīkr, vols. 12, 1990), xii. 500.

<sup>61</sup> Al-Syawkānī, *Nayl al-Awṭār*, v. 75.

<sup>62</sup> Al-Nawāwī, Abū Zakariā Yahyā b. Syaraf al-Dīn, *al-Majmū' Syarḥ al-Muḥadhdhab*, (Qāhirah: Maṭba'at al-Imām, vols. 8, n.d.), xvi. 61.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, rumusan yang boleh dibuat adalah jelas bahawa hukum syarak mengandungi aturan hukum yang bertujuan menjamin *maṣlahah* umat manusia. Ia menjadi hala tuju dan matlamat syarak (*maqāṣid syarī'ah*) dalam memastikan umat manusia sentiasa dalam kebaikan dan manfaat, serta jauh daripada sebarang kemudharatan. Bertitik-tolak daripada sini, Imam Abū Zahrah mempertegaskan bahawa tujuan hakiki hukum Islam adalah kemaslahatan<sup>63</sup>. Implikasi *maṣlahah* dalam nas-nas syarak tidak semuanya ditonjolkan secara zahir, malah kedatangan antaranya yang muncul secara tidak langsung dan tidak mempunyai dalil yang jelas (*mursalah*). Namun keadaan ini tidaklah terang-terang bercanggah dengan kehendak dan semangat syarak supaya *maṣlahah* yang dibicarakan adalah merupakan *maṣlahah* yang murni dan fitrah yang sejajar dengan ruh syarak<sup>64</sup>.

Dalam pembahagian harta pusaka, pertimbangan *maṣlahah* kepada waris adalah melibatkan perkara *ijtihadī* di mana tiada ketetapan yang jelas daripada *nas* syarak dan setiap waris mempunyai keutamaan tertentu yang perlu dikenal pasti. *Maṣlahah* ini hendaklah mempunyai hubungan dengan semangat nas syarak sama ada yang merujuk kepada keutamaan waris atau merujuk kepada hikmah atau rahsia di sebalik pensyariatan hukum. Faktor-faktor ini menjadi asas dan penyebab dalam analisis yang dilakukan oleh para sarjana Islam dalam memutuskan mengenai sesuatu *maṣlahah*. Dalam hal ini, sesebuah *nas* bukan sahaja difahami berdasarkan ibarat umum yang ditunjukkan, tetapi juga mengandungi isyarat dan *dilālāh* khusus dalam memahami maksud *maṣlahah* bagi mencapai *maqāṣid al-syarī'ah*. Oleh kerana itu, perbincangan para *fuqahā'* sentiasa memberikan fokus kepada capaian kepentingan waris dalam pembahagian harta pusaka khususnya dalam perkara yang tidak jelas (*ẓannī dilālāh*).

Maka lahirlah pandangan untuk mengutamakan *maṣlahah* kepada waris terdekat seperti memberi *rad* kepada waris *fardu* dan *dhū arḥām*, menjadikan saudara mewarisi bersama datuk, begitu juga saudara seibu sebapa dapat mewarisi bersama saudara seibu (*al-musyāra'ah*) dan waris *dhū arḥām* diutamakan daripada *bayt al-māl*. Kebajikan atau *maṣlahah* ke atas waris-warisi ini dibina berasaskan hubungan darah yang wujud antara mereka dan tanggungjawab yang dipikul dalam kehidupan harian mereka. Nilai *maṣlahah* ini bersifat *mursalah* kerana sebahagian besar daripadanya tidak mempunyai dalil yang jelas, malah para *fuqahā'* berbeza pandangan mengenainya. Jaminan

<sup>63</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 259.

<sup>64</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 197.

*maṣlaḥah* oleh syarak bukan setakat pada waris yang mendapat pusaka, juga ke atas waris jauh yang terhalang daripada menerima harta pusaka menerusi mekanisme pindah milik harta melalui kaedah wasiat dan *hibah*. Jelasnya, di mana terdapat *maṣlaḥah* maka di situ wujudnya semangat syariat dan sistem-sistem Islam dalam memastikan para waris sentiasa dalam kebaikan dan jauh daripada kemudharatan.

## RUJUKAN

- Abd. Azis, Dahlan et. al. (eds.), *Ensiklopedia Hukum Islam* (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, vols. 6, 1996).
- Abd. Aziz, Mohammed Zaid, *The Islamic Law of Bequest* (London: Scorpion Publishing Ltd., 1986).
- Abdullah, Siddik, *Hukum Waris Islam dan Perkembangannya di Seluruh Dunia* (Jakarta: Penerbit Widjaya, 1984).
- Abū Dāwud, Sulaymān b. al-Asy'āth b. Ishāq al-Azdī al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāwud* (Miṣr: Matba'at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabi, 1952)
- Aḥmad Muḥammad 'Alī Dāwud, *al-Ḥuqūq al-Muta'alliqah bi al-Tarikh bayna al-Fiqh wa al-Qānun* (Ammān: Maktabah Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī', 1977)
- Al-Āmidī, Alī b. Muḥammad, *Ghāyah al-Maram fī 'Ilmi al-Kalam* (Qāhirah: Majlis 'Alā li Syu'un Islāmiyah. 1971)
- Al-Āmidī, Alī b. Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1942)
- Al-'Aynī, *al-Banānah fī Syarḥ al-Ḥidāyah* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990)
- Al-'Aynayn, Badran Abū, *al-Mawārith wa al-Waṣiyyah wa al-Hibah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānun* (al-Iskandariyah: Mu'assasah Syabāb al-Jāmi'ah, 1975)
- Al-Bārī, Zakariyā, *al-Wasīf fī Aḥkām al-Ṭarīkāt wa al-Mawārith* (Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-'Arābiyah, 1975M/1395H)
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa'id Ramaḍān, *Ḍawābiḥ al-Maṣlaḥah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1982)
- Al-Dārimī, 'Abd Allāh b. 'Abd al-Raḥman b. al-Faḍl b. Baḥram ibn 'Abd al-Samad al-Tamimī al-Sarqandī, *Sunan al-Dārimī* (Damsyīq: Maṭba'ah al-Hadithah, 1349H).
- Al-Darqāwī, 'Abd Allāh, *Aḥkām al-Tarīkāt wa al-Mawārith wifqa al-Madhāhib al-Arba'ah – Dirāsah wa Taṭbiq* (al-Ribat: al-Ṭab'at al-'Ūlā, 1999).

- Al-Dusūqī, Syams al-Dīn Muḥammad, *Ḥāsyiyah al-Dusūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr* (Miṣr: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakahu, n.d.).
- Al-Fandalāwī, Abī al-Ḥujjāj Yūsuf b. Dūnas, *Kitāb Tahdhīb al-Masālik fī Nuṣrati Madhhab Mālik* (ed. Aḥmad b. Muḥammad al-Busyaykhī, al-Mamlakah al-Maghribiyyah: Wizarāh al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, 1998).
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad, *al-Muṣtaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl* (Jeddah: Syarikah al-Madīnah al-Munawwarah, n.d.).
- Al-Nawāwī, Abū Zakariā Yaḥyā b. Syaraf al-Dīn, *al-Majmu‘ Syarḥ al-Muhadhdhab* (Qāhirah: Matba‘at al-Imam, n.d.).
- Al-Ramlī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Abī al-‘Abbās Aḥmad b. Ḥamzah Ibn Syihāb al-Dīn, *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* (Miṣr: Maṭba‘ah Muṣtafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlādahu, 1967).
- Al-Ṣan‘ānī, ‘Abd al-Razzāq b. Ḥammām, *al-Muṣannaḥ* (n.p.: Majlis ‘Ilmī, n.d.).
- Al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, *al-Mabsūṭ* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifat, n.d.).
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm b. Mūsā al-Lakhmī Abū Ishāq, *al-Muwāfaqah fī Uṣūl al-Syarī‘ah* (n.p.: Maktabah Tawfīqiyyah, n.d.).
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm b. Mūsā al-Lakhmī Abū Ishāq, *al-Iṭiṣām* (n.p.: Maktabah al-Tauḥīd, n.d.).
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahāb, *Ḥāsyiyah al-Bannānī ‘alā Jam‘ al-Jawāmi‘* (Damsyīq: Dār al-Fikr, n.d.).
- Al-Syawkānī, Muḥammad b. ‘Alī b. Muḥammad, *Irsyād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥāq min ‘Ilm al-Uṣūl* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1979).
- Al-Syawkānī, Muḥammad b. ‘Alī b. Muḥammad, *Nayl al-Awtār* (Miṣr: Maṭba‘ah Muṣtafā al-Bābī al-Ḥalabī, n.d.).
- Al-Syaybānī, *Muwaṭṭā’ al-Imām Mālik* (Damsyīq: Dār al-Qalam, 1992).
- Al-Syīrāzī, *al-Fiqh al-Mawsū‘ah Istidlālīyyah fī al-Fiqh al-Islāmī*. (Bayrūt: Dār al-‘Ulūm, 1988).
- Al-Ṭūfī, Najm al-Dīn Sulaymān b. ‘Abd al-Qawī b. ‘Abd al-Karīm, *Syarḥ Mukhtaṣar Rawḍah* (ed. ‘Abd Allāh Turkī; Bayrūt: Muassasah al-Rayyan, 1988).
- Al-Zuḥaylī, Wahbah, *Uṣūl Fiqh al-Islāmī* (Damsyīq: Dār al-Fikr, 1996)
- Al-Zuḥaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1997).
- Bakrī, Abī Bakr ‘Uthmān b. Muḥammad Syatta al-Dimyātī, *Ḥāsyiyah I‘ānah al-Ṭālib* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d.)

- D.S. Powers, *Studies in Qur'an and Hadith: The Formation of the Islamic Law of Inheritance* (London: University of California Press. 1986).
- Hailani Muji Tahir, *Baitulmal: Institusi Kewangan Negara Islam dan Asas Belanjawan Negara* (Selangor: al-Rahmaniah. 1982).
- Ḥusayn, Ḥamīd Ḥasan, *Naẓariyyah al-Maṣlaḥah fī al-Fiqh al-Islām* (Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabīyyah. 1971).
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn, *Ḥāsiyyah Radd al-Muḥtār* (Miṣr: Maṭba‘at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, 1966).
- Ibn al-Athīr, al-Mubārak b. Muḥammad al-Jazārī, *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasul* (Maktabat al-Ḥalwānī, 1972)
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī b. Aḥmad b. Sa‘īd b. Ḥazm al-Andalūsī, *al-Muḥallā* (Qāhirah: Ṭab‘ah Munīr al-Dimasyqī/Bayrūt: Maktabah al-Tijārī, 1970)
- Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad, *al-Mughnī* (Sa‘ūdi Arabia: Dār ‘Ālīm al-Kutub, 1999).
- Ibn Manẓūr, Muḥammad b. Mukram b. ‘Alī b. Aḥmad b. Abī al-Qāsim b. Huqbah, *Lisān al-‘Arab* (Qāhirah: Dār Ma‘ārif, n.d.).
- Ibn Rusyd. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Qāhirah: Maṭba‘ah al-Ma‘hud, 1935).
- Ibn al-Taymiyyah Aḥmad b. ‘Abd al-Ḥalim, *al-Fatawā al-Kubrā* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1988).
- J. Schacht, “Pre-Islamic Background and Early Development of Jurisprudence”, *Law in the Middle East – Origin and Development of Islamic Law* (ed. Majid Khadduri & Herbert J. Liebesny; Washington D.C.: The Middle East Institute, 1955)
- Lujnah Fatwā al-Syabkah al-Islāmīyyah, *Fatāwā al-Syabkah al-Islāmīyyah*. (al-Maktabah al-Syāmilah, 2009)
- Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (Miṣr: Dār Fikr al-‘Arabī, 1958).
- Muḥammad ‘Alī al-Ṣabunī, *Pembagian Waris Menurut Islam* (pent. A.M. Basalamah; Jakarta: Gema Insani Press, 1995).
- Muḥammad b. Aḥmad b. Abd al-‘Azīz b. Alī, *Syarḥ Kawkab al-Munīr* (ed. Muḥammad Suḥailī & Naẓīh Ḥamad; Jakarta: Maktabah al-Abīkan. 1997).
- Muḥammad Khayrī al-Mufīī, *‘Ilm al-Farā'id wa al-Mawārith* (Damsyīq: n.p. n.d.).

- Muhammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, *Aḥkām al-Mawārīth fī Syarī‘ah al-Islāmīyah ‘alā Maḍhāhib al-A‘immah al-Arba‘ah* (Bayrūt: al-Maktabah al-‘Aṣrīyah, 1991).
- Muhammad Mustafā Ali Khan, *Islamic Law of Inheritance A New Approach* (New Delhi: Kitab Bhavan, 1989).
- Muhammad Ṣāliḥ al-Munjid, *Mawqī‘ al-Islām Su‘āl wa Jawāb* (Maktabah al-Syāmilah, 2009).
- N. J. Coulson, *A History of Islamic Law* (Edinburgh: University Press, 1971).
- Syaraf al-Dīn, ‘Abd al-‘Azīm, *Aḥkām al-Mīrāth wa al-Waṣīyah fī al-Syarī‘ah al-Islāmīyah* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-Ḥadīth, 1962).
- Syaykh Ḥusayn Yūsūf Ghazāl, *al-Mīrāth ‘ind al-Madhāhib al-Arba‘ah Dirāsah wa Taṭbīqan* (n.p.: Dār al-Fikr, 1996).
- Syed Ameer Ali, M. A., *The Law Relating to Gifts, Trusts and Testamentary Dispositions Among the Mahommedans According to the Ḥanāfi, Mālīki, Shāfi‘i and Shīah Schools* (Culcutta: Thacker, Spink & Co., 1885).
- Syib, Ibrāhīm Ibn Musā, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah* (Mīsr: Maṭba‘ah Maktabah al-Tujārīyah, 1920).
- ‘Uthman al-Tāhir Hablūs, *al-Fāra‘id ‘alā Madhāhib al-A‘immah al-Arba‘ah Dirāsah Fiḥīyah Muqāranah* (Maghribi: Maṭba‘ah Faḍalah al-Muḥammadiyyah, 1999).